

Krisis ekonomi 1990-an punca binaan terbengkalai

BERTA HARIAN 7/4/2019 ms 80



Ayer Keroh: Kelembapan ekonomi yang membawa kepada krisis kewangan Asia pada 1997, antara faktor utama menyebabkan beberapa projek komersial, hotel dan perumahan di negeri ini terbengkalai.

Walaupun ada sesetengah projek dibangunkan pemaju swasta itu berjaya disiapkan mengikut jadual sebelum mula beroperasi, akhirnya ia 'kecundang' selepas hanya beroperasi kurang daripada tempoh lima tahun akibat kesan kegawatan ekonomi.

Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Melaka, Saleh Mohd Dom, berkata tahun krisis ekonomi pada 1990-an banyak memberi kesan terhadap projek pembangunan di negeri ini yang kesannya dapat dilihat menerusi beberapa projek pembangunan terbengkalai.

Katanya, secara umumnya Melaka tidak banyak berdepan masalah projek pembangunan terbengkalai, termasuk projek yang membabitkan pe-

Mengikut maklumat diperoleh Lembaga Perumahan Melaka, kini terdapat tujuh status projek komersial dikategorikan sebagai "terbengkalai"

Saleh Mohd Dom,
Pengarah Eksekutif
Lembaga Perumahan
Melaka

rumahan memandangkan kebanyakannya projek berkenaan berjaya disiapkan tetapi tidak diselenggarakan dengan baik hingga akhirnya menjadi projek 'gajah putih'.

Pantau status projek

"Sebelum ini, dua projek perumahan kos rendah sudah dipulihkan iaitu masing-masing di Tanjung Bidara dan di Sungai Rambai. Mengikut maklumat diperoleh Lembaga Perumahan Melaka, kini terdapat tujuh status projek komersial dikategorikan sebagai terbengkalai yang kebanyakannya berlaku pada 1994 hingga 1996.

"Daripada tujuh projek ini, tiga projek pembangunan sedang dipulihkan menerusi pengambilalihan semula oleh pemaju swasta lain. Di peringkat Lembaga Perumahan Melaka, kita hanya memantau perkembangan status projek berkenaan," katanya ketika ditemui BH di pejabatnya di Taman Tasik Utama, di sini.

Yang hadir sama, Timbalan Pengarah (Pembangunan) Lembaga Perumahan Melaka, Mohd Salleh Hamidom.

Tujuh projek komersial terbengkalai itu ialah Industri Bercampur Ayer Keroh; Bachang Mall; Plaza Melaka Gajah Berang; Melaka Village Paradise Resort Ayer Keroh; Hotel Merak Pantai Puteri; Pacific Inn Tenggara dan Kondominium Explanade Klebang.

Daripada tujuh projek itu, Industri Bercampur Ayer Keroh akan dipulihkan menerusi projek perumahan komersial; Bachang Mall sedang dipulihkan menerusi projek pembangunan apartmen servis manakala Plaza Melaka Gajah Berang akan dipulihkan menjadi projek pembangunan komersial.

Saleh berkata, sehingga kini, tiada perkembangan lanjut mengenai empat lagi projek terbengkalai yang antara lain berdepan prosedur rumit termasuk isu pemilikan unit individu

sebagaimana projek di Melaka Village Paradise Resort Ayer Keroh.

Ditanya status projek 'Arab City' di Pulau Melaka yang sepatutnya dikategorikan sebagai terbengkalai, Saleh berkata, projek itu yang sebelum ini termasuk dalam senarai itu dilaporkan sudah diambil alih oleh Perbadanan Ketua Menteri (CMI) daripada pemaju asal dari Timur Tengah.

"Kita difahamkan pemaju asal (projek Arab City) sudah digulungkan kerana tidak membayar cukai tanah. Pakaj Pulau Melaka termasuk projek Arab City yang kini di bawah CMI, di mana kita lihat pembangunan rumah kedai sudah berjaya dipulihkan.

"Jika kita lihat perkembangan projek Arab City, sebenarnya ia sudah hampir siap sebelum akhirnya terbiar hingga banyak keretakan berlaku. Kita difahamkan ada pelabur Arab yang masih berminat meneruskan projek komersial bertemakan Asia Barat ini," katanya.